

NAMA :

KELAS:

CIKGU
MALIA

Isikan tempat kosong berdasarkan gambar.



Mendengar dan Bertutur

Ayahku Guru



Elis, sila lihat tayangan slaid ini.

Beliau ialah ayah saya. Gambar itu diambil semasa beliau bertugas di Sarawak.

Ayah saya terpaksa menaiki

Beliau tinggal di



Baiklah, Hasan. Siapakah beliau?



Oh, begitu! Hasan, minta kamu bercerita tentang slaid kedua itu.

Hebat ayah kamu. Harap kamu dapat bercerita tentang tempat tinggal ayah kamu di sana.



Rumah guru

bot

NAMA :

KELAS:

CIKGU
MALIA

Berdasarkan petikan dibaca, nyatakan nilai murni berdasarkan pernyataan.



Berbakti demi Anak Bangsa

Selepas tamat belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Cikgu Muzalfah menunggu surat tawaran kerja. Beliau berasa gembira apabila menerima surat itu selepas membuat permohonan.

Cikgu Muzalfah mendapat tawaran mengajar di Sarawak. Beliau akan mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Petanak, Mukah. Beliau telah dihantar oleh keluarganya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. **Beliau akan berjauhan dengan keluarganya.**

Setelah sampai di sekolah itu, Cikgu Muzalfah disambut dengan mesranya oleh penduduk kampung. **Beliau mengajar murid dengan penuh kasih sayang.** Oleh itu, semua murid suka akan Cikgu Muzalfah.

Cikgu Muzalfah amat mementingkan kejayaan muridnya. Jadi, beliau mengajar mereka dengan bersungguh-sungguh.

Akhirnya, banyak murid telah berjaya dalam peperiksaan. Murid-muridnya berterima kasih kepada Cikgu Muzalfah.

Pernyataan	Nilai murni
1. Beliau akan berjauhan dengan keluarganya.	
2. Beliau mengajar anak murid dengan penuh kasih sayang.	
3. Cikgu Muzalfah amat mementingkan kejayaan muridnya,	
4. Murid-muridnya berterima kasih kepadanya.	

Kasih sayang

cekal

komited

menghormati